

PANDUAN PERKHIDMATAN (berkuatkuasa 1 Julai 2016)

Syarikat kami menawarkan produk Takaful melalui tenaga agensi, rakan kongsi bank dan lain- lain. Jika anda berminat untuk menyertai produk Takaful yang dipasarkan oleh ejen kami, anda boleh menikmati perkhidmatan seperti yang dinyatakan.


Apakah Perkhidmatan yang anda harapkan dari Ejen kami?

SEBELUM ANDA MENYERTAI PELAN TAKAFUL



Berurusan dengan ejen berdaftar

Semak status ejen melalui laman web Malaysian Takaful Association (MTA) di "Public Enquiry on Agent Status." Sila layari <https://takaful4all.org/agent-status/> untuk keterangan lanjut.



Membantu anda dalam Memilih Pelan Takaful yang sesuai

- Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan kewangan dan risiko anda.
- Mengesyorkan pelan Takaful yang sesuai berdasarkan fakta yang diberikan di dalam borang.

Menerangkan Ciri-Ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Lampiran Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.

APABILA ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENYERTAI PELAN TAKAFUL

Membantu anda dalam melengkapkan Permohonan Takaful

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Menyediakan maklumat untuk penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau waris anda sekiranya berlaku kematian.

PANDUAN PERKHIDMATAN (berkuatkuasa 1 Julai 2016)

- Mengemukakan permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.
- Mengatur pemeriksaan perubatan dengan salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan

Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat Sijil

- Sijil Takaful akan dihantar kepada anda (dengan tangan atau melalui pos) dalam masa 28 hari.
- Meneliti kandungan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang telah disertai oleh anda.

SEMASA TEMPOH PELAN TAKAFUL

Perkhidmatan Sijil Berterusan

- Membantu dalam proses pembaharuan sijil.
- Menyediakan perkhidmatan berterusan seperti mengubahsuai sijil, pertukaran alamat dan kekerapan sumbangan. Jika ejen telah meninggalkan Syarikat, pihak kami akan melantik ejen baru untuk berkhidmat kepada anda.

Membantu anda dalam membuat Tuntutan Takaful

- Membimbing anda melalui prosedur standard mengenai cara untuk membuat tuntutan Takaful.

Portal Pelanggan

Sila layari portal Pelanggan kami di <https://igetintouch.greateastertakaful.com> untuk mengakses maklumat Sijil anda secara dalam talian.

Nota: Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan ejen kami, atau memerlukan sokongan tambahan daripada syarikat kami, anda boleh menghubungi kami di 03 4259 8338.